



## KENYATAAN MEDIA

---

### LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 3/2024 MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023

### LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 3/2024 MENGENAI KERAJAAN DAN AGENSI NEGERI

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2024 dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu 14 Oktober 2024 ( Isnin ) setelah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong . Ini merupakan pembentangan LKAN yang ketiga dalam tahun 2024 di Parlimen selepas pembentangan pada 6 Mac 2024 dan 4 Julai 2024.
2. LKAN ini terdiri daripada empat belas (14) naskhah seperti berikut:
  - 2.1 Satu naskhah LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023.
  - 2.2 Tiga belas (13) naskhah LKAN mengenai Kerajaan dan Agensi Negeri.

#### **LKAN 3/2024 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023**

3. LKAN kali ini memberi tumpuan kepada dua (2) isu, iaitu laporan prestasi pelaksanaan projek pembangunan di bawah *Rolling Plan 3* Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sehingga 31 Disember 2023 dan Fokus Utama Audit (Key Audit Area) terhadap perkara material dan signifikan yang memberi kesan kepada prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023.

#### **3.1. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023**

- a. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 adalah lebih baik berbanding tahun 2022 berdasarkan peningkatan lebihan hasil sejumlah RM2.028 bilion. Kedudukan defisit juga menunjukkan penurunan sejumlah RM8.595 bilion menjadikan

nisbah defisit kepada KDNK menurun kepada 5.0% berbanding 5.5% pada tahun 2022.

- b. Baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM10.217 bilion menunjukkan penurunan sejumlah RM1.734 bilion (14.5%) berbanding RM11.951 bilion pada tahun 2022.
- c. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan perlu memberi perhatian terhadap trend peningkatan Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan yang meningkat sejumlah RM92.038 bilion (6.6%) kepada RM1.492 trillion berbanding RM1.400 trillion pada tahun 2022.
- d. Selain itu, Komitmen Jaminan pada tahun 2023 oleh Kerajaan Persekutuan terhadap 13 syarikat telah meningkat sejumlah RM3.288 bilion (1.5%) berbanding RM224.116 bilion pada tahun 2022. Manakala dividen yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan telah menunjukkan penurunan ketara sejumlah RM9.756 bilion (17.5%) berbanding sejumlah RM55.815 bilion pada tahun 2022.

### **3.2. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023**

- a. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
- b. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dengan Perenggan Hal-hal Lain (Other Matters).
- c. Kerajaan Persekutuan hendaklah mengurangkan defisit fiskal dan kebergantungan kepada pinjaman baharu dengan meningkatkan kecekapan kutipan hasil, melaksanakan perbelanjaan bersasar dan mempunyai nilai untuk wang (value for money) serta memantapkan tatakelola pengurusan kewangan syarikat-syarikat Kerajaan.

### **3.3. Prestasi Pelaksanaan Separuh Penggal Projek Pembangunan *Rolling Plan 3* Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)**

- a. Di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12 yang dibentangkan di Parlimen pada 11 September 2023, Kerajaan telah memberikan penegasan terhadap usaha mempertingkatkan kecekapan pelaksanaan

dan pemantauan khususnya pelaksanaan strategi dan inisiatif KSP RMKe-12.

- b. Sejajar dengan usaha tersebut, Jabatan Audit Negara (JAN) mengambil langkah proaktif untuk melaporkan dalam LKAN kali ini mengenai prestasi pelaksanaan projek pembangunan di bawah *Rolling Plan 3* RMKe-12 sehingga 31 Disember 2023. Ini bagi memastikan Kerajaan Persekutuan dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk menambah baik prestasi pelaksanaan dan menyiapkan projek dalam tempoh RMKe-12 yang akan berakhir pada tahun 2025.
- c. Sehingga 31 Disember 2023, prestasi pelaksanaan projek pembangunan di bawah *Rolling Plan 3* RMKe-12 yang melibatkan 8,279 projek adalah seperti berikut:
  - 2,442 projek (29.5%) berada di peringkat pasca pelaksanaan;
  - 3,404 projek (41.1%) sedang dalam pelaksanaan;
  - 2,323 projek (28.1%) di peringkat pra pelaksanaan; dan
  - 110 projek (1.3%) berstatus batal dan simpan dalam perhatian.
- d. Prestasi perbelanjaan projek RMKe-12 dari tahun 2021 hingga 2023 adalah sebanyak RM231.920 bilion melebihi peruntukan yang diluluskan sebanyak RM222.756 bilion bagi tempoh yang sama. Jumlah ini telah pun mencecah 55.9% daripada jumlah siling peruntukan sebanyak RM415 bilion bagi pelaksanaan projek RMKe-12.
- e. Status terkini pelaksanaan projek pembangunan RMKe-12 sehingga 26 Ogos 2024 (*Rolling Plan 4*) yang melibatkan 8,593 projek adalah seperti berikut:
  - 1,434 projek (16.7%) berada di peringkat pasca pelaksanaan;
  - 3,942 projek (45.9%) sedang dalam pelaksanaan (169 projek (4.3%) lewat jadual (sakit);
  - 3,085 projek (35.9%) di peringkat pra pelaksanaan; dan
  - 132 projek (1.5%) berstatus batal dan simpan dalam perhatian.
- f. Prestasi keseluruhan projek RMKe-12 hanya akan dapat diukur pada penghujung tahun 2025. Sehubungan itu, pemantauan projek hendaklah dipertingkatkan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

### **3.4. Pengurusan Liabiliti Persekutuan**

- a. Kedudukan Liabiliti Persekutuan pada akhir tahun 2023 menunjukkan trend peningkatan dengan Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK meningkat kepada 81.8% berbanding 78.0% pada tahun 2022.

- b. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2023 pada kedudukan 64.3% juga meningkat berbanding 60.2% pada tahun 2022. Manakala Nisbah Statutori Hutang kepada KDNK adalah 62.1% pada tahun 2023 berbanding 57.5% pada tahun 2022.
- c. Namun, JAN mengambil maklum inisiatif yang telah dilaksanakan Kerajaan bagi memastikan pengurusan Hutang Persekutuan yang berhemat, terutamanya menerusi pembaharuan fiskal dengan kelulusan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] di Parlimen pada 11 Oktober 2023.
- d. Komitmen jangka sederhana lain yang ditetapkan dalam Akta 850 adalah untuk mencapai objektif fiskal menjelang tahun 2030 seperti berikut:
  - baki fiskal sebagai peratusan kepada KDNK  $\leq$  -3%;
  - paras hutang sebagai peratusan kepada KDNK  $\leq$  60%; dan
  - Jaminan Kewangan sebagai peratusan kepada KDNK  $\leq$  25%.
- e. Kerajaan Persekutuan juga telah mengambil langkah rasionalisasi dan konsolidasi defisit secara berperingkat dengan unjuran defisit fiskal kepada 4.3% kepada KDNK pada tahun 2024.

### **3.5. Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT)**

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan Akaun Belum Terima (ABT) pada tahun 2023 adalah berjumlah RM98.367 bilion berbanding RM105.824 bilion pada tahun sebelumnya. ABT Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merangkumi 35.2% daripada keseluruhan ABT pada tahun 2023 sebanyak RM34.591 bilion. Lain-lain ABT termasuk Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut oleh syarikat, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, koperasi dan pelbagai agensi yang berjumlah RM52.530 bilion (53.4%).
- b. Daripada keseluruhan ABT pada tahun 2023, sejumlah RM28.412 bilion (28.9%) merupakan ABT yang tidak dikutip melebihi enam (6) tahun.
- c. Hapus kira ABT pada tahun 2023 adalah berjumlah RM1.635 bilion yang sebahagian besarnya melibatkan ABT berusia melebihi enam (6) tahun berjumlah RM1.355 bilion.
- d. ABT LHDNM pada tahun 2023 sejumlah RM34.591 bilion menurun sebanyak RM5.794 bilion atau 14.3% (2022: RM40.385 bilion). Penurunan ABT ini sebahagian besarnya disebabkan oleh taksiran kurangan yang berjumlah RM6.976 bilion dan hapus kira berjumlah RM726.70 juta.

- e. Bagi menambah baik pengurusan kutipan hasil, pihak yang berkaitan perlu mengambil tindakan yang lebih tegas dan proaktif terhadap kutipan ABT serta tindakan penguatkuasaan yang lebih cekap dan berkesan di bawah undang-undang berkuat kuasa. Pemantauan terhadap pengurusan ABT juga perlu dipertingkatkan dengan menetapkan sasaran kutipan mengikut tahun tertunggak.

3.6. Bagi menambah baik prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan, Ketua Audit Negara mengesyorkan perkara berikut diambil perhatian:

- a. Kerajaan Persekutuan disarankan untuk meneruskan usaha meningkatkan hasil pendapatan melalui pelbagai sumber, meningkatkan tadbir urus dalam pengurusan perbelanjaan awam supaya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berada dalam keadaan lebih kukuh.
- b. Memastikan pengurusan hutang awam yang berhemat bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu. Selain itu, syarikat-syarikat Kerajaan digesa untuk memantapkan tatakelola pengurusan kewangan agar dapat memberi pulangan dividen kepada Kerajaan Persekutuan dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan.
- c. Pegawai Pengawal hendaklah membuat pemantauan yang lebih rapi dan berterusan serta melaksanakan langkah intervensi dengan segera bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-12 dapat disiapkan sepenuhnya menjelang akhir tahun 2025.

#### **Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Mengenai Kerajaan dan Agensi Negeri**

4. Sebanyak 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dikemukakan antara bulan Januari hingga Jun 2024. Kedudukan Sijil Ketua Audit Negara adalah seperti berikut:
  - Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) - 5 negeri (Johor, Pahang, Perak, Sarawak, dan Sabah).
  - Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dengan Perenggan Hal-hal Lain (Other Matters) - 8 negeri (Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu).
5. Ketua Audit Negara telah mengemukakan 260 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh Kementerian/jabatan/agensi serta syarikat Kerajaan Negeri.

## **Makluman Lain**

6. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).
7. LKAN 3/2024 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 14 Oktober 2024, pukul 10.00 pagi.

**KETUA AUDIT NEGARA**

**14 OKTOBER 2024**



<https://lkan.audit.gov.my/>

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat Jabatan Audit Negara, melalui talian 03-8091 1792 atau e-mel kepada [ukk@audit.gov.my](mailto:ukk@audit.gov.my)



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

## INFOGRAFIK

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023



## SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PENDAPAT TANPA TEGURAN (UNMODIFIED OPINION)

### PERENGGAN HAL-HAL LAIN

Kerajaan Persekutuan hendaklah mengurangkan defisit fiskal dan kebergantungan kepada pinjaman baharu dengan meningkatkan kecekapan kutipan hasil, melaksanakan perbelanjaan bersasar dan mempunyai nilai untuk wang (*value for money*) serta memantapkan tatakelola kewangan syarikat-syarikat Kerajaan

[lkan.audit.gov.my](http://lkan.audit.gov.my) | [agdashboard.audit.gov.my](http://agdashboard.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA

AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

## INFOGRAFIK LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023



# PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2023

### TERIMAAN

2023	RM316.469b
2022	RM295.764b

### PELBAGAI TERIMAAN

2023	RM1.510b
2022	RM1.407b

### HASIL

2023	RM314.959b
2022	RM294.357b

### DEFISIT

2023 : RM90.887b  
2022 : RM99.482b  
2021 : RM98.740b

### NISBAH DEFISIT KEPADAKDNK

2023 : 5.0%  
2022 : 5.5%  
2021 : 6.4%

### BELANJA

2023	RM407.356b
2022	RM395.246b

### MENGURUS

2023	RM311.267b
2022	RM292.693b

### PEMBANGUNAN

2023	RM96.089b
2022	RM71.574b

### COVID-19

2023	RM0
2022	RM30.979b

[ikau.audit.gov.my](http://ikau.audit.gov.my) | [agdashboard.audit.gov.my](http://agdashboard.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA

AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

## INFOGRAFIK LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023



### KEDUDUKAN KEWANGAN

#### WANG AWAM

2023: RM69.766b  
2022: RM83.656b

#### WANG TUNAI

2023	RM27.607b
2022	RM48.503b

#### PELABURAN

2023	RM42.159b
2022	RM35.153b

#### KUMPULAN WANG DISATUKAN

2023: RM69.766b  
2022: RM83.656b

#### AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

2023	RM0.149b
2022	RM0

#### AKAUN HASIL DISATUKAN

2023	RM11.863b
2022	RM11.863b

#### AKAUN AMANAH DISATUKAN

2023	RM57.754b
2022	RM71.793b

#### NISBAH STATUTORI HUTANG KEPADAKDNK

2023: 62.1%  
2022: 57.5%

#### NISBAH HUTANG PERSEKUTUAN KEPADAKDNK

2023: 64.3%  
2022: 60.2%

#### NISBAH LIABILITI PERSEKUTUAN KEPADAKDNK

2023: 81.8%  
2022: 78.0%

[lkan.audit.gov.my](http://lkan.audit.gov.my) | [agdashboard.audit.gov.my](http://agdashboard.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA

AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI

MALAYSIA  
MADANI



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

## INFOGRAFIK LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023



### PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN ROLLING PLAN 3 RMKe-12 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

BATAL DAN  
SIMPAN DALAM  
PERHATIAN  
110 PROJEK  
(1.3%)

**PRA  
PELAKSANAAN**  
2,323 PROJEK  
(28.1%)

**PASCA  
PELAKSANAAN**  
2,442 PROJEK  
(29.5%)

**DALAM  
PELAKSANAAN**  
3,404 PROJEK  
(41.1%)

**IKUT  
JADUAL**

2,305 PROJEK

**DAHULU  
JADUAL**

549 PROJEK

**LEWAT JADUAL  
(SAKIT)**

202 PROJEK

**LEWAT  
JADUAL**

107 PROJEK

**TIADA  
KEMAJUAN**

241 PROJEK

[lkan.audit.gov.my](http://lkan.audit.gov.my) | [agdashboard.audit.gov.my](http://agdashboard.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA

AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI

MALAYSIA  
MADANI



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

## INFOGRAFIK LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023




### FOKUS UTAMA AUDIT PENGURUSAN LIABILITI PERSEKUTUAN

LIABILITI PERSEKUTUAN	
2023	RM1.492 trillion
2022	RM1.400 trillion

HUTANG PERSEKUTUAN	
2023	RM1.173 trillion
2022	RM1.080 trillion

KOMITMEN JAMINAN	
2023	RM227.404 billion
2022	RM224.116 billion

### PENGGUNAAN PINJAMAN BAHARU



AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

## INFOGRAFIK LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023



### FOKUS UTAMA AUDIT PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA



#### AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

2023	<b>RM34.591 bilion</b>
2022	RM40.385 bilion

### TREND ABT DAN HAPUS KIRA (2014 – 2023)



#### AKAUN BELUM TERIMA

2023	<b>RM31.08 juta</b>
2022	RM20.54 juta

#### PENEMUAN AUDIT

##### **RM12.59 juta**

Tunggakan Pajakan dan Faedah Pembayaran Lewat

##### **RM5.13 juta**

Tunggakan Cukai Tanah oleh Pemajak

##### **RM367,410**

Faedah Pembayaran Lewat Terkurang Kutip

[lkan.audit.gov.my](http://lkan.audit.gov.my) | [agdashboard.audit.gov.my](http://agdashboard.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA



AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI